



MyBrain jaya impian

■ 9,010 penuntut sarjana, PhD ditawarkan pembiayaan biasiswa

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
stiaisyah@hmetro.com.my

Seramai 9,010 penuntut terdiri daripada Sarjana dan Ijazah doktor falsafah (PhD) memenuhi kriteria ditetapkan ditawarkan pembiayaan biasiswa MyBrain15 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penuntut terbabit adalah mereka yang mengemukakan permohonan antara Ogos hingga November tahun lalu.

Menurutnya, daripada jumlah berkenaan, seramai 7,410 penerima adalah di bawah program MyMaster manakala, 1,600 lagi bagi program MyPhD.

"Pembiayaan ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang menyasarkan pembiayaan biasiswa kepada 15,000 penuntut tajaan MyMaster dan 5,000 bagi MyPhD pada 28 Januari lalu.

"Bagi tujuan itu, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM300 juta tahun

ini, menjadikan-nya sasaran tertinggi dalam sejarah program MyBrain15,"

katanya pada sidang media Majlis Penyampaian Tawaran Biasiswa MyBrain15 di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan, beliau menyampaikan surat tawaran pembiayaan kepada lapan penerima yang berjaya terdiri daripada penuntut peringkat sarjana dan PhD dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Idris berkata, walaupun keadaan ekonomi mencabar pada masa ini, kerajaan meningkatkan jumlah penerima biasiswa pada tahun ini menjadikannya penawaran tertinggi sejak 2011.

Dalam pada itu, beliau berkata, sehingga Disember tahun lalu, seramai 44,124 penuntut menerima penajaan di bawah program MyBrain15 sejak ia diperkenalkan.

"Daripada jumlah itu, seramai 35,919 penuntut bagi program MyMaster manakala, 8,205 untuk program MyPhD dan MyPhD Industri.

"Tahun ini adalah kumpulan penuntut paling ramai yang diberi tawaran pembiayaan di bawah program MyBrain15," katanya.